

23 MAR 1996

KERAJAAN KAJI TINGKAT KESELAMATAN PERAIRAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

TAIPING, 23 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji kemungkinan mempertingkatkan keselamatan di perairan negara terutama di Sabah berikutan pencerobohan lanun yang kerap berlaku, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata walaupun belum mendapat laporan penuh mengenai kejadian itu, beliau amat dukacita dengan kejadian yang telah berlaku.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas rompakan di sebuah kedai emas di Semporna, Sabah, yang dilakukan oleh sekumpulan lapan orang yang menggunakan senjata automatik di Semporna, Sabah pagi ini.

Polis menembak mati seorang daripada perompak-perompak itu dan menahan dua yang lain. Kerakyatan mereka belum dapat dipastikan kerana mereka tidak mempunyai pengenalan diri.

Ketika ditanya pada persidangan berita selepas melawat projek Bandar Tasik Bukit Merah yang bernilai RM1,000 juta, 15km dari sini, sama ada kejadian itu melibatkan lanun dari negara jiran, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu menuduh mana-mana pihak sebelum penyiasatan dijalankan.

Perdana Menteri bagaimanapun berharap semua pihak termasuk negara-negara jiran dapat bekerjasama dalam menangani isu tersebut.

Dengan diiringi oleh isterinya Datuk Seri Dr Siti Hasmah, beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian mengenai projek bandar tersebut antara pemajunya Segi Objektif (M) Sdn Bhd dengan Celcom (M) Sdn Bhd dan Amnet (M) Sdn Bhd untuk menjadikan Bukit Merah sebagai sebuah "bandar bijak dan berteknologi". -- BERNAMA

HK MAI